



## KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Perkhidmatan Korporat  
Perbadanan Putrajaya**  
**Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 1008**

### LEBARUN SEMPENA CAR FREE DAY PUTRAJAYA

**PUTRAJAYA, 23 JUN 2019** – Presiden Perbadanan Putrajaya, YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim melepaskan 500 peserta larian LEBARUN di Program Car Free Day (CFD) Putrajaya bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3.

Julung kali diadakan, LEBARUN atau larian lebaran diadakan bagi memeriahkan lagi suasana dan sambutan Hari Raya Aidilfitri. LEBARUN melibatkan larian sepanjang 5 km bermula dari PPj melalui Persiaran Perdana (*boulevard*) Putrajaya hingga ke Masjid Putra dan berpatah balik ke PPj.

Kelainan penganjuran larian pada kali ini, para peserta akan mengenakan busana raya serta perlu melengkapkan tugas misteri untuk mendapatkan medal yang terhad untuk 300 peserta terawal. Selain itu, peserta juga turut berpeluang untuk memenangi pertandingan pakaian terbaik yang diadakan.

CFD Putrajaya turut dimeriahkan dengan persembahan *busking* dari kumpulan The Kelaut yang terdiri daripada cikgu-cikgu di Putrajaya, aktiviti senamrobik hari raya dan aktiviti sukan tradisional jejak taman Putrajaya.

Program CFD Putrajaya merupakan program bulanan PPj yang diadakan setiap minggu pertama hari Ahad, bertujuan mengurangkan kadar pelepasan karbon dari asap kenderaan serta menggalakkan aktiviti riadah di kalangan warga Putrajaya di samping sebagai medium terbaik untuk menyemarakkan elemen keceriaan serta kemeriahinan di kawasan Persiaran Perdana, Presint 2, 3 & 4.

Pada April lalu, CFD Putrajaya telah berjaya mencipta rekod Malaysia Book of Record (MBoR) dalam pelaksanaan tujuh disiplin sukan iaitu acara berlari, berbasikal, berenang, berkayak, mendaki tangga, membuat terjunan bebas (base jump) dan berkuda. CFD juga pernah menerima kunjungan tetamu VVIP YB Menteri dan YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan serta Ketua Setiausaha Negara.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-88877347, 019-3354345 atau e-mel ke alamat [m.fairus@ppj.gov.my](mailto:m.fairus@ppj.gov.my).



(TENGKU AINA BINTI TENGKU ISMAIL SHAH)

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 21 Jun 2019